



## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang professional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai kami

**TARIKH IKLAN: 07 April 2017**

### **JAWATAN**

**EKSEKUTIF HASIL (PENTADBIRAN) - TETAP**

### **KELAYAKAN MEMOHON**

**Berumur tidak kurang dari 25 tahun dan tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan.**

Memiliki Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

### ***ATAU***

Bekas Penolong Penguasa Polis Diraja Malaysia atau Kapten Angkatan Tentera Malaysia atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik;

### ***DAN***

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan), Matematik dan Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **KELAYAKAN TAMBAHAN YANG DIPERLUKAN**

Selain sihat tubuh badan, calon hendaklah mempunyai kelayakan tambahan seperti berikut-

---

**BERSAMA MEMBANGUN NEGARA**

---

- a) Tinggi sekurang-kurangnya 1.63m bagi lelaki dan 1.57m bagi wanita tanpa bersepatu.
- b) Berat badan sekurang-kurangnya 50kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita.
- c) Indeks Jisim Badan (BMI) adalah 19 – 24 mata indeks.
- d) Ukuran dada biasa sekurang-kurangnya 81cm dan menarik nafas 86cm bagi calon lelaki sahaja.
- e) Lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata atau kanta lekap.
- f) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat.
- g) Tidak cacat anggota tubuh badan dan tidak mempunyai masalah kesihatan mental.

Pegawai LHDNM bertaraf tetap yang sedang berkhidmat dan telah disahkan dalam perkhidmatan, layak dipertimbangkan jika:-

- a) Mempunyai kelayakan memohon seperti di atas; dan
- b) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun selepas disahkan dalam perkhidmatan jawatan sekarang.

#### **BIDANG TUGAS**

- Menggubal, meminda dan memperkemaskan dasar, arahan dan peraturan keselamatan LHDNM serta mengkaji dan memberi cadangan penambahbaikan terhadap peraturan-peraturan keselamatan.
- Menyelaraskan penguatkuasaan, penyiasatan dan pengambilan tindakan disiplin dan tatatertib pegawai dan anggota keselamatan LHDNM.
- Memantau penguatkuasaan pematuhan terhadap dasar, arahan dan peraturan keselamatan yang telah ditetapkan.
- Merancang, mengatur dan memantau tugas kawalan keselamatan di Ibu Pejabat dan Cawangan di LHDNM

#### **KRITERIA YANG DIPERLUKAN**

---

**BERSAMA MEMBANGUN NEGARA**

- Berdaya saing, pemikiran kreatif, dinamik serta matang.
- Bertanggungjawab, proaktif, daya inisiatif yang tinggi dan kemahiran interpersonal yang baik.
- Kebolehan bekerja secara berkumpulan, kemahiran komunikasi yang baik dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

<b>GAJI</b>
-------------

**RM3,335.00 - RM0.00**

<b>CARA MEMOHON</b>
---------------------

Calon termasuk pegawai LHDNM bertaraf sambilan hendaklah dibuat melalui sistem yang boleh dicapai melalui URL <https://career.hasil.gov.my/>

Calon yang merupakan pegawai LHDNM bertaraf tetap hendaklah dibuat melalui sistem yang boleh dicapai melalui URL <https://spi.hasil.gov.my/>

Permohonan tidak perlu dicetak / dipos ke LHDNM.

<b>MAKLUMAT TEMUDUGA</b>
--------------------------

Nama calon yang berjaya disenarai pendek temu duga akan dimaklumkan di Portal Rasmi LHDNM (ruangan “Kerjaya”).

Pemohon dinasihatkan sentiasa menyemak Portal Rasmi LHDNM untuk mengetahui sebarang perkembangan maklumat terkini berhubung tawaran jawatan berkenaan.

Pemohon dikehendaki mendapatkan surat pengiktirafan kelayakan melalui laman:-

<https://app.mohe.gov.my/iktiraf/semakan.php>

<b>TARIKH TUTUP PERMOHONAN</b>
--------------------------------

**09 Jun 2017**

---

**BERSAMA MEMBANGUN NEGARA**

**NOTA**

Calon yang tidak dihubungi dalam tempoh 60 hari dari tarikh tutup iklan, adalah dianggap tidak Berjaya.

Sekiranya memerlukan penjelasan lanjut, sila emelkan pertanyaan ke alamat: [kerjaya@hasil.gov.my](mailto:kerjaya@hasil.gov.my).